



Makalah



# PEJABAT BENDAHARI

Sekilas Pandang Pelaksanaan 5S

Audit MPC : Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S)

Audit Dalaman Amalan 5S Pejabat Bendahari

Zon 3 : Salahuddin Al- Ayubi Kekalkan **Anugerah Zon Terbaik**

*Jasamu Dikenang : Puan Hajah Noridah binti Talib*

Majlis Kesyukuran Dan Bacaan Yasin Pejabat Bendahari

Baju Korporat Pejabat Bendahari

Anugerah Perkhidmatan **Cemerlang & Anugerah** Jasa Bakti

Jalinan Ukhwah Pejabat Bendahari Menerusi Sukan

HF  
5549.5  
.C62  
.M35  
2014  
a

**GO**





# Sekilas Pandang Pelaksanaan 5S

Amalan 5S di Pejabat Bendahari telah bermula sejak awal tahun 2006. Pada peringkat awal amalan ini diperkenalkan, pelbagai usaha telah dilakukan oleh En Bakri bin Abu Bakar bersama-sama AJK Program 5S dalam memastikan amalan 5S tidak lagi menjadi asing dikalangan warga Pejabat Bendahari malah menjadi rutin harian dalam melaksanakan tugas hakiki.

Antara langkah pertama yang menjayakan program ini adalah dengan memberikan pendedahan yang cukup kepada semua staf, mengadakan gotong-royong berperingkat yang terancang, mengadakan audit dari semasa ke semasa, serta pelbagai lagi aktiviti kepada semua staf Pejabat Bendahari.



## OKJEKTIF 5S PEJABAT BENDAHARI

- ✓ Membangunkan Pejabat Bendahari supaya lebih berdaya saing dan menjadikan kami pejabat nombor satu dalam UTeM
- ✓ Memberikan kesedaran kualiti di kalangan staf melalui komunikasi secara terbuka dalam pertukaran idea dan pandangan, pengalaman dan bekerjasama dengan ceria
- ✓ Memastikan KPI Pejabat Bendahari dapat dicapai dengan sepenuhnya
- ✓ Meningkatkan prestasi kerja dan juga produktiviti
- ✓ Memaksimumkan penggunaan sumber dan mengelakkan pembaziran
- ✓ Melahirkan staf yang lebih kreatif dan berfikiran positif

## JAWATANKUASA PERSEKITARAN PROGRAM BERKUALITI (5S)

Pengerusi Setiausaha	Khairi Amri bin Mohamad Siti Zuriana binti Omar
AJK Latihan	Khairul Anwar bin Abdul Tahrim (Ketua) Rohana binti Nahrawi Erna Noorbaizura binti Zaidan
AJK Audit	Farah Farhanah binti Md Lani (Ketua) Nazurah binti Abdullah Faizal bin Safei Nurul Amiranurain binti Omar Norizan binti Mat Daut
AJK Promosi	Mohd Afiq bin Hashim (Ketua) Aghniya binti Mohamad Mariaty binti Mohd Saat Radhiah binti Abd Rahman Muhammad Rashdan bin Muhammad Fazrol bin Othman Zulkarnain bin Baharom Norlokman bin Abu Bakar Mohammad Shahril bin Salim

## JAWATANKUASA SIDANG REDAKSI MAKALAH

K. Editor	Mohd Hary bin Ujang
AJK	Sharifah Aishah binti Syd Ismail Mohd Afiq bin Hashim Mariaty binti Mohd Saat Rosidah binti Awang Norhasanah binti Zainal Siti Hajar binti Ab Latif Nonie binti Salam Aimi Nazihah binti Yusoh Muhammad Rashdan bin Muhammad Nadzirah binti Mohamed Noor Muhammad Syahmi bin Ayob Zulkarnain bin Baharom

BERPUSTAKAAN	
Universiti Teknikal Malaysia Melaka	
No. Aksesan	No. Penggilan
87516098	HE 5549.5
Tarikh	162 2014 2 9 15/9/23
08 SEP 2023	

"GO 5S GO"

MAKALAH PEJABAT BENDAHARI

08 SEP 2023



## Audit MPC : Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S)

Pada 15 November 2013 yang lalu, Pejabat Bendahari UTeM sekali lagi telah menjalani sesi pengauditan bagi Pensijilan Semula Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S) untuk kali yang kelima. Sesi pengauditan ini dijalankan oleh wakil auditor daripada pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang turut merangkumi aspek fizikal persekitaran, dokumentasi serta inovasi-inovasi pelaksanaan 5S itu sendiri.

Alhamdulillah...buat kali kelima ini Pejabat Bendahari sekali lagi telah berjaya mendapat Pensijilan Semula Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S) dengan markah cemerlang hasil kolaborasi pihak pengurusan tertinggi Pejabat Bendahari, Ahli Jawatankuasa Induk 5S dan komitmen jitu dari semua zon.



## Audit Dalaman Amalan 5S Pejabat Bendahari

Audit Dalaman Amalan 5S Pejabat Bendahari dilaksanakan bertujuan untuk menilai pelaksanaan Amalan 5S di setiap zon di dalam Pejabat Bendahari. Audit Dalaman ini dilaksanakan secara berkala mengikut jadual yang telah dirancang.

Pengauditan ini diperlukan untuk memastikan setiap zon dapat membuat penambahbaikan secara berterusan (KAIZEN) dan meningkatkan serta menggalakkan kreativiti staf ke atas pelaksanaan Amalan 5S di zon masing-masing.

Gerakan audit jam 5 dilaksanakan di zon bagi memastikan setiap ruangan kerja menepati piawaian audit dalaman amalan 5S. Melalui pemeriksaan yang dijalankan, masih terdapat pelbagai penemuan di setiap zon untuk tindakan pembetulan.

Jawatankuasa Audit 5S akan memantau dari semasa ke semasa bagi memastikan Amalan persekitaran berkualiti dapat dilaksanakan dengan jayanya di Pejabat Bendahari.



HF5549.5.C62 .M35 2014



87516098



## Zon 3 : Salahuddin Al- Ayubi Kekalkan Anugerah Zon Terbaik

Pada 22 Disember 2013, Jawatankuasa Promosi 5S dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Kelab Pejabat Bendahari (KEJARI) telah menganjurkan majlis "Penghargaan Setulus Hati" bertempat di Puteri Resort, Ayer Keroh.

Majlis ini bertujuan untuk menghargai sumbangan dan komitmen staf dalam menjalankan aktiviti 5S. Ia adalah untuk memberikan motivasi, semangat dan komitmen yang berterusan dalam menjayakan program kualiti 5S. Selain itu, penganjuran majlis ini juga adalah untuk menghargai sumbangan mantan Ahli Jawatankuasa 5S dan ahli KEJARI yang telah dipindahkan dan ditempatkan di Pusat Tanggungjawab.

Encik Bakri bin Abu Bakar, selaku Timbalan Bendahari, Bahagian Pengurusan Pembayaran telah merasmikan majlis, menyampaikan sijil dan hadiah bagi anugerah-anugerah yang dipertandingkan.

Kategori		Pemenang	
Individu Bilik Pegawai	Ruang Kerja Terbuka	Puan Faridah binti Basri	Zon 1
		Puan Rosidah binti Awang	Zon 2
		Puan Rohana binti Nahrawi	Zon 3
		Puan Zainab binti Amir	Zon 4
	Bilik Pegawai	Puan Noraini binti Zabidin	Zon 3
		Puan Azlina binti Azhari	Zon 4
Zon Terbaik		Zon 3	





## *Jasamu Dikenang : Puan Hajjah Noridah binti Talib*

Pada 30 Januari 2014, Kelab Pejabat Bendahari (KEJARI) telah mengadakan satu majlis persaraan bagi meraikan Penolong Akauntan Kanan iaitu Puan Hajjah Noridah binti Talib. Beliau telah mula berkhidmat di UTeM pada 26 Februari 2001 dan bersara pada umur 50 tahun.

Puan Hajjah Noridah binti Talib atau lebih mesra dengan panggilan Kak Ida mula berkhidmat dengan kerajaan di Universiti Teknologi Malaysia Jalan Semarak, Kuala Lumpur sebelum berpindah ke Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor.

Beliau merupakan Ibu kepada 5 orang anak dan merupakan seorang yang periang, mudah mesra, suka berkongsi ilmu dan menjadi tempat rujukan bagi semua staf di Pejabat Bendahari dan di PTj.

Antara pencapaian Kak Ida sepanjang perkhidmatannya di UTeM adalah penerima anugerah perkhidmatan cemerlang sebanyak 3 kali iaitu pada tahun 2003, 2005 dan 2012 dan pernah mewakili Universiti dalam Sukan Staf antara Universiti Malaysia(SUKUM) dalam acara karom pada tahun 2011.





## Majlis Kesyukuran Dan Bacaan Yasin Pejabat Bendahari

Pada 4 April 2014, Kelab Pejabat Bendahari (KEJARI) telah menganjurkan Majlis Kesyukuran dan Bacaan Yasin sempena meraikan ulang tahun kelahiran staf, kelahiran cahaya mata dan staf yang telah melangsungkan perkahwinan bagi bulan Januari hingga Mac 2014.

Tujuan program ini dijalankan adalah untuk mengeratkan silaturrahim di kalangan warga Pejabat Bendahari. Program ini telah berlangsung bermula jam 11 pagi didahului dengan bacaan Yasin dan diketuai oleh Ustaz Muhammad Ali bin Janas, Pusat Islam.

Majlis diteruskan dengan acara penyampaian hadiah kepada staf yang menyambut hari ulang tahun kelahiran, kelahiran anak dan staf yang melangsungkan perkahwinan. Hadiah telah disampaikan dan disempurnakan oleh penaug KEJARI iaitu Encik Khairul bin Taib.

Semua ahli dijamu selera dengan hidangan yang disediakan secara 'potluck' mengikut zon. Selepas jamuan makan, program diteruskan dengan acara potong kek oleh staf yang menyambut kelahiran.

Majlis bersurai sekitar jam 1 tengahari dengan sesi bergambar. Semoga majlis seperti ini dapat diteruskan agar dapat meningkatkan ukhwah dan kerjasama yang erat di kalangan warga Pejabat Bendahari.





## Baju Korporat Pejabat Bendahari

Pelancaran Baju Baru 5S Pejabat Bendahari telah diadakan pada 19 Disember 2013. Majlis ringkas ini diadakan dan dirasmikan oleh Tuan Bendahari sebelum diagihkan kepada semua untuk dipakai pada setiap hari rabu.

Menariknya, baju tersebut adalah hasil rekaan saudara Nur A'kashah bin Buhari dari Unit Rekod Aset dan Bekalan Pejabat yang terpilih sebagai pemenang bagi Pertandingan Mereka Baju dan Poster 5S anjuran Jawatankuasa Promosi 5S.

Pertandingan tersebut yang terbuka kepada semua staf Pejabat Bendahari mendapat sambutan yang menggalakkan dan telah diadili oleh barisan pegawai kanan Pejabat Bendahari.

Pihak jawatankuasa amatlah berharap dengan adanya baju baru ini dapat meningkatkan lagi imej korporat Pejabat Bendahari serta menerapkan semangat baru dikalangan ahli.



## Anugerah Perkhidmatan Cemerlang & Anugerah Jasa Bakti

Setinggi-tinggi ucapan tahniah diucapkan kepada penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2014. Penerima APC seramai 6 orang ini telah mewakili warga Pejabat Bendahari yang secara keseluruhannya telah memberikan prestasi kerja yang terbaik dalam bidang masing-masing.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Sanjungan Universiti Tahun 2014 ini telah berlangsung pada 4 Jun 2014 yang bertempat di Dewan Besar UTeM. Buat julung-julung kalinya juga Anugerah Jasa Bakti dikurniakan kepada staf yang telah berkhidmat genap 20 tahun dalam perkhidmatan awam serta melebihi 5 tahun perkhidmatan di UTeM.



### Anugerah Jasa Bakti

Khairul bin Taib

Rohana binti Nahravi

### Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Mohd Hary bin Ujang

Mohamad Jumairi bin Mohamad Yosoff

Nurul Amiranurain binti Omar

Faizal Azmir bin Abdul Aziz

Faridah binti Mohd Basri

Sapian bin Abd Wahid



## Jalinan Ukhwah Pejabat Bendahari Menerusi

SUKAN



**7 Disember 2013:** Agro Bank Melaka & Johor bersama dengan Agensi Korporat telah mengadakan Perlawanan Bowling Persahabatan yang bertempat di Melaka International Bowling Centre (MITC).

Seramai 20 orang wakil daripada kelab Kejari, Pejabat Bendahari yang diketuai oleh Bendahari turut sama mengambil bahagian dalam perlawanan persahabatan tersebut.

Pengerusi Kelab Kejari Mohamad Jumairi yang ditemui berkata, sokongan yang diberikan oleh Agro Bank merupakan satu ikatan kerjasama bukan sahaja dari hubungan kerja tetapi juga melalui aktiviti luaran yang dianjurkan pada setiap tahun.

**26 April 2014:** Bertempat di Taman Tasik MITC Ayer Keroh, telah berlangsung Pertandingan Futsal Veteran Taman Tasik.

Seramai 15 pasukan telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut dan Kelab KEJARI, Pejabat Bendahari turut menghantar sebuah pasukan menyertainya.

Pasukan ini telah layak hingga ke peringkat suku akhir. Bendahari dan KEJARI amat berpuas hati kerana pasukan ini telah mencuba yang terbaik dan akan berusaha sekurang-kurangnya sampai ke peringkat akhir pada tahun hadapan.

